



UNIT
5
ELEKTRIK

NOTA RINGKAS

Sumber Tenaga Elektrik



Sel kering




Sel suria



Dinamo




Akumulator




Penjana




Stesen jana kuasa

Litar Bersiri dan Litar Selari
Litar Bersiri



- Litar bersiri mempunyai satu laluan untuk arus elektrik mengalir.
- Jika satu mentol rosak dalam litar ini, mentol lain **tidak akan menyala** kerana litar menjadi tidak lengkap.
- Semakin banyak mentol dalam litar bersiri, **semakin malap** nyalaan mentol.

Litar Selari


- Litar selari mempunyai lebih daripada satu laluan untuk arus elektrik mengalir.
- Jika satu mentol rosak dalam litar ini, mentol lain **akan terus menyala** kerana arus masih mengalir melalui laluan lain dalam litar.
- Semakin banyak mentol dalam litar selari, kecerahan mentol **tetap sama**.

Keselamatan Pengendalian Peralatan dan Penjimatan Elektrik



Membuka atau menutup suis dengan tangan yang kering.



Gunakan palam plastik khas untuk mencucuk plug 2 pin.



Sambungkan satu plug sahaja pada satu soket.



Peralatan elektrik yang rosak hendaklah dibaiki oleh pihak yang bertauliah.